



GOBIND (kiri) melawat reruai pameran selepas merasmikan program Pertandingan AI Kebangsaan 2025 di Sunway University, semalam.

DIGITAL TWIN KUALA LUMPUR

KL bakal jadi bandar raya berasaskan AI

Kuala Lumpur: Bandar raya ini akan menjadi bandar berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI) menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif pendigitalan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri Digital Gobind Singh Deo berkata, penerapan teknologi itu akan mempercepatkan proses pemodenan infrastruktur dan perkhidmatan bandar. Menurutnya, langkah itu

meningkatkan kecekapan pengurusan serta memberi kesan positif terhadap kualiti hidup warga kota.

“Inisiatif utama diketengahkan pembangunan Digital Twin Kuala Lumpur, iaitu replika maya bandar yang membolehkan simulasi dan analisis masa nyata terhadap dinamik bandar.

“Teknologi ini juga membantu dalam aspek perancangan, tindak balas keceemasan dan pengurusan

sumber yang lebih cekap serta bersasar.

“Penggunaan teknologi itu mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat, menyenangkan dan mampan untuk warga kota,” katanya ketika melawat Kuala Lumpur Command and Control Centre (KL-CCC) di sini, semalam.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, Pengarah Eksekutif Pengu-

rusan Projek DBKL Mohamad Hamim, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Nasional Bhd (DNB) Datuk Azman Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Anuar Fariz Fadzil.

Gobind berkata, penggunaan teknologi seumpama itu dapat mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat, selesa dan mampan buat penduduk bandar.